BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**No. Ruj.: 08/13/03**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 21 Ogos 2013**

## PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2013

### Permintaan dalam negeri yang kukuh terus menyokong pertumbuhan dalam keadaan permintaan luaran yang lebih lemah

Ekonomi global terus mencatat pertumbuhan sederhana pada suku kedua 2013. Ekonomi Amerika Syarikat berkembang pada kadar yang sederhana, manakala aktiviti ekonomi di kawasan euro kekal lemah di tengah-tengah pelaksanaan langkah penjimatan serta kebimbangan yang berterusan terhadap hutang kerajaan. Di Asia, pertumbuhan dalam beberapa ekonomi menjadi sederhana pada suku kedua, memandangkan kelemahan persekitaran luar yang berpanjangan mula mempengaruhi aktiviti ekonomi dalam negeri, khususnya dalam ekonomi yang lebih terbuka. Walaupun permintaan dalam negeri bagi Malaysia kekal kukuh, prestasi pertumbuhan keseluruhan menerima kesan daripada sektor luar yang lemah. Pada suku kedua, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.3% (S1 2013: 4.1%). Meskipun permintaan dalam negeri terus kukuh dan meningkat sebanyak 7.3% (S1 2013: 8.2%), eksport mencatat penurunan yang lebih besar berikutan prestasi yang lembab bagi kebanyakan produk eksport. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang pada suku kedua, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus kukuh.

Berdasarkan pelarasan musim suku tahunan (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi negara mencatat pertumbuhan sebanyak 1.4% pada suku kedua 2013 (S1 2013: -0.4%).

**Ekonomi mengembang pada suku kedua**
(pada harga malar tahun 2005)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 7.2%, disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan pendapatan yang mampan dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Penggunaan awam bertambah baik kepada 11.1% (S1 2013: 0.1%), mencerminkan terutamanya perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan serta perbelanjaan yang mampan bagi emolumen.

Pembentukan modal tetap kasar terus berkembang (6%; S1 2013: 13.1%), diperkukuh oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Pelaburan swasta bertambah sebanyak 12.7%, disokong oleh perbelanjaan modal dalam subsektor perkhidmatan berkaitan pengguna, pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan serta peningkatan kapasiti dalam sektor minyak dan gas. Sementara itu, pelaburan awam merosot sebanyak 6.4% (S1 2013: 17.3%). Perbelanjaan modal yang berterusan oleh perusahaan awam khususnya dalam sektor minyak dan gas, serta telekomunikasi dan utiliti telah diimbangi oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah.
Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan terus berkembang, didorong sebahagian besarnya oleh subsektor berkaitan pasaran dalam negeri. Sektor perlombongan kembali positif berikutan pengeluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian menjadi sederhana akibat pengeluaran getah asli yang jatuh dengan ketara dan pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih perlahan. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan kekal kukuh, didorong oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) lebih tinggi pada 1.8% pada suku kedua (S1 2013: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* dan *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa berjumlah RM2.6 bilion pada suku kedua bersamaan dengan 1.1% daripada Pendapatan Negara Kasar, disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih rendah serta defisit perkhidmatan yang berterusan dan aliran keluar akaun pendapatan. Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.2 bilion (S1 2013: RM1 bilion), disebabkan sebahagian besarnya oleh aliran masuk perbankan berikutan pelaburan langsung yang mampan oleh syarikat multinasional asing. Pada suku kedua, pemastautin Malaysia terus menambah pelaburan langsung dan aset portfolio di luar negeri. Imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM1.5 bilion (S1 2013: RM4 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM432.8 bilion (bersamaan dengan USD136.1 bilion) pada 28 Jun 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Julai 2013, kedudukan rizab berjumlah RM438.3 bilion (bersamaan dengan USD137.8 bilion), memadai untuk membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.

## Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.00% pada suku kedua. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank purata bagi semua tempoh matang secara relatif stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menjadi sederhana secara beransur-ansur (akhir bulan Jun 2013: 5.42%; akhir bulan Mac 2013: 5.50%).

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM250.6 bilion pada suku kedua (S1 2013: RM244.8 bilion). Pinjaman sistem perbankan terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 9.1% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2013: 10.6%) sementara dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menjadi sederhana kepada RM13.9 bilion pada suku kedua (S1 2013: RM16.7 bilion).

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan positif pada suku kedua. Wang secara kecil atau M1, meningkat sebanyak RM4.9 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.5% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 12.7%). Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM23.3 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 8.5% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 9.1%). Peningkatan dalam M3 disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman bersih sistem perbankan kepada sektor swasta.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dan utama pada awal suku kedua berikutan pengumuman pelonggaran monetari selanjutnya di Jepun yang telah mendorong kepada minat pelabur yang bertambah terhadap aset kewangan serantau dan menyumbang kepada pengukuhan mata wang serantau. Ringgit juga menambah nilai setelah selesainya Pilihan Raya Umum di Malaysia. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai kemungkinan pengecilan skala pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) di AS dan kebimbangan terhadap unjuran pertumbuhan RR China pada akhir suku tersebut, telah mendorong aliran dana untuk bertukar arah dalam pasaran kewangan serantau. Pada suku ketiga, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.8% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-4.6%) dan paun sterling (-3.2%), namun menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (2.0%). Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau adalah bercampur-campur.

Antara 1 Julai hingga 20 Ogos 2013, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 3.7%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-6.0%), euro (-5.7%) dan yen Jepun (-4.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (1.9%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang lain antara -2.1% hingga -5.5%.

## Kestabilan kewangan terus dipelihara

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan sepanjang suku kedua meskipun mengalami beberapa tempoh ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global dan domestik. Pengantaraan kewangan dalam negeri terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang mantap, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal kekal melebihi keperluan modal Basel III, masing-masing pada 11.7%, 12.6% dan 13.8%. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 220.8% (S1 2013: 221.6%), dengan penampan modal lebihan bernilai lebih daripada RM20 bilion.

## Permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, ekonomi global terus menghadapi risiko pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan akibat perkembangan dalam beberapa ekonomi utama. Ketidakpastian dasar berkaitan dengan program QE di AS dan kebimbangan terhadap hutang kerajaan di Eropah, dijangka mempengaruhi sentimen pasaran dan prospek pertumbuhan. Walaupun pertumbuhan keseluruhan dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun termasuk di Asia, akan menerima kesan daripada perkembangan ini, permintaan dalam negeri akan terus menyokong prestasi pertumbuhan keseluruhan. Prospek pertumbuhan turut diperkukuh oleh langkah-langkah dasar tertentu.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Bagi ekonomi Malaysia, kelemahan yang berpanjangan dalam persekitaran luar telah memberi kesan kepada keseluruhan prestasi pertumbuhan ekonomi tahun ini. Meskipun permintaan dalam negeri dijangka terus kukuh, disokong oleh penggunaan swasta yang mampan, perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan dalam negeri dan pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan, sektor luar yang lemah pada separuh tahun ini akan memberi kesan kepada prestasi pertumbuhan keseluruhan tahun ini. Oleh yang demikian, pertumbuhan keseluruhan bagi ekonomi negara tahun ini telah disemak semula dan diunjurkan dalam lingkungan 4.5% hingga 5.0%. Melangkah ke hadapan, permintaan dalam negeri dijangka stabil dan akan terus disokong oleh dasar monetari yang akomodatif.

**Bank Negara Malaysia**
**21 Ogos 2013**

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

## KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

| | 2012 | | 2013 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S1 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok) | 14.0 | 11.8 | 8.2 | 7.3 | 7.7 |
| Penggunaan | 9.1 | 8.4 | 6.1 | 8.0 | 7.1 |
| *Sektor swasta* | *8.6* | *8.0* | *7.5* | *7.2* | *7.4* |
| *Sektor awam* | *11.0* | *10.1* | *0.1* | *11.1* | *5.8* |
| Pembentukan Model Tetap | | | | | |
| *Kasar* | 26.2 | 20.7 | 13.1 | 6.0 | 9.3 |
| *Sektor swasta* | *25.6* | *22.4* | *10.8* | *12.7* | *11.8* |
| *Sektor awam* | *27.2* | *17.9* | *17.3* | *-6.4* | *4.7* |
| Eksport Bersih | -40.4 | -33.1 | -36.4 | -41.6 | -38.7 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *1.6* | *1.9* | *-0.6* | *-5.2* | *-2.9* |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *8.3* | *7.7* | *3.6* | *-2.0* | *0.8* |
| **KDNK** | **5.6** | **5.4** | **4.1** | **4.3** | **4.2** |
| **KDNK (Pelarasan musim suku tahunan)** | **1.3** | **-** | **-0.4** | **1.4** | **-** |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi
## (pada harga malar tahun 2005)

| | Bahagian 2012 (%) | 2012 | | 2013 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Pertanian | 7.3 | -4.6 | -1.3 | 6.0 | 0.4 | 3.1 |
| Perlombongan | 8.4 | 2.2 | 1.2 | -1.9 | 4.1 | 1.0 |
| Perkilangan | 24.9 | 5.7 | 5.1 | 0.3 | 3.3 | 1.9 |
| Pembinaan | 3.5 | 21.5 | 18.5 | 14.2 | 9.9 | 12.0 |
| Perkhidmatan | 54.6 | 6.6 | 6.2 | 5.9 | 4.8 | 5.4 |
| **KDNK Benar** | **100.0**[1] | **5.6** | **5.4** | **4.1** | **4.3** | **4.2** |
| **KDNK Benar (Pelarasan musim suku tahunan)** | **-** | **1.3** | **-** | **-0.4** | **1.4** | **-** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia